

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
SELAKU PENAUNG RAYUAN HARI PAHLAWAN
DI UPACARA PENUTUP DAN PENYAMPAIAN DERMA
RAYUAN HARI PAHLAWAN 1988, DI HOTEL PAN
PACIFIC, KUALA LUMPUR, PADA HARI KHAMIS
1HB. DISEMBER, 1988
PUKUL 4.30 PETANG



Bismillahi rahmanirahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera.

YB. Muzacha Pengemudi Majlis.

Yang Berhormat Tengku Dato' Ahmad

Rithauddeen, Menteri Pertahanan, *Malaysia*

YB. Datuk Abang Abu Bakar, Timb. Menteri Pertahanan &
Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Abdul Hamid *SM S. Mee*
Bidin, Presiden Persatuan Bekas *Dati.*
Perajurit Malaysia; + Puan Sri

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

*Pengemudi
JIC Kibaya
Senarai peng
Pusat Rayu
Hari Pahlawan*

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Rayuan Hari Pahlawan yang telah mengundang saya untuk turut meraikan majlis yang berbahagia pada hari ini. Saya selaku penaung Rayuan Hari Pahlawan juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada para dermawan dan jemputan-jemputan yang telah sudi meluangkan masa bagi meraikan majlis yang tidak seperti ini.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kempen Rayuan Hari Pahlawan telahpun dilancarkan pada 30hb. Julai 1988. Menerusi usaha gigih yang telah dimainkan oleh Jawatankuasa Pusat Rayuan Hari Pahlawan,

...dengan/-



dengan gemblingan tenaga oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, maka kempen tersebut telah mencapai matlamatnya.

3. Saya difahamkan bahawa semenjak kempen tersebut dilancarkan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah dapat mengumpulkan sumbangan berjumlah \$ 688,900.99 Saya amat berbangga dengan sikap masyarakat di negara ini yang amat memahami tujuan kempen tersebut dilancarkan. Kita sedia maklum bahawa para pahlawan tanahair telah memainkan peranan yang besar dalam mempertahankan negara daripada sebarang ancaman sama ada dari luar mahupun dalam negeri. Tidaklah keterlaluan jika saya sebutkan di sini bahawa keberanian dan pengorbanan perajurit-perajurit kita dalam mempertahankan

Enam ratus lapan puluh lapan ribu
sembilan ratus sembilan puluh dua negara/-
sembilan ratus sembilan puluh dua



negara telah meninggalkan satu kesan yang mendalam di dalam hati sanubari kita semua.

4. Pendek kata keberanian dan pengorbanan perjuangan mereka telah menjadi satu lagenda untuk diteladani oleh generasi kita dan generasi yang akan datang. Namun begitu, perjuangan mereka tidaklah tamat sehingga peristiwa-peristiwa yang menyayat hati berlalu tetapi sehingga ke saat ini para pahlawan masih lagi terus berjuang untuk mengekalkan kedaulatan negara di samping mempertahankan keunggulan negara yang tercinta. Kita sedia maklum dalam mengharungi peristiwa-peristiwa pahit dan getir, ramai di antara pahlawan kita yang gugur sebagai bunga bangsa.

...Sementara/-

5. Sementara itu terdapat sebilangan besar daripada mereka yang telah mengalami berbagai-bagai kepahitan hidup terutama sekali mereka yang cacat, dan keluarga yang telah ditinggalkan. Tidak kurang pula anak-anak yang telah menjadi yatim piatu yang telah hilang tempat bergantung di samping kehilangan belaian kasih sayang seorang ayah yang mereka kasihi. Pahlawan-pahlawan kita ini sudah sepatutnya mendapat pembelaan yang sewajarnya bukan sahaja daripada pihak Kerajaan bahkan juga daripada segenap lapisan masyarakat di negara kita. Dalam konteks ini masyarakat di negara kita telah tampil menderma dan memberikan sumbangan yang begitu menggalakkan.

...Alhamdulillah/-

6. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala dengan jumlah sumbangan yang diterima itu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan bekas perajurit tanahair dapat meneruskan usaha-usaha murni bagi membantu bekas perajurit sebagaimana yang telah saya sebutkan terlebih dahulu. Dalam masa yang sama saya sangat berharap kepada para dermawan dan seluruh masyarakat yang telah menyumbangkan derma janganlah sekali-kali menyalah-anggap bahawa kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan itu adalah semata-mata untuk menagih hutang daripada orang ramai bagi menjelaskan segala budi yang telah ditaburkan oleh perajurit-perajurit.

7. Dalam hubungan ini saya beranggapan bahawa kutipan derma yang dilancarkan

...diadakan/-

diadakan semata-mata untuk mendidik fikiran masyarakat di negara kita supaya menaruh simpati dan membantu mereka yang telah banyak berjasa kepada kita semua. Dengan lain perkataan, kejayaan kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan adalah membuktikan bahawa masyarakat di negara ini adalah terdiri daripada golongan masyarakat yang tahu membalas budi kepada mereka yang telah berjasa.

Para hadirian sekalian,

8. Sesungguhnya hasil kutipan yang diterima akan sedikit sebanyak dapat membantu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia meneruskan usaha-usaha murni melalui skim-skim bantuan kebajikan yang meliputi berbagai-bagai bentuk bantuan kepada balu-balu, ahli-ahli yang

...hilang/-

hilang upaya dan anak-anak mereka yang memerlukan bantuan persekolahan serta berbagai-bagai lagi termasuk bantuan rawatan dan pembelian anggota palsu.

9. Kita sentiasa mendapat maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Persatuan Bekas Perajurit Malaysia melalui media massa. Oleh hal yang demikian kita tidak seharusnya bimbang bahawa segala sumbangan yang telah diberikan kepada Persatuan ini akan sentiasa dikawal dan digunakan ke arah kebajikan ahli-ahli serta tanggungan mereka dengan sebaik-baiknya. Pada pendapat saya kerja-kerja amal yang dijalankan oleh Persatuan ini mempunyai erti yang besar dan secara langsung membantu meringankan beban yang ditanggung oleh Kerajaan terutama sekali tanggungjawab

...menghadapi/-

menghadapi masalah bekas-bekas perajurit. Di samping itu saya mengambil peluang ini untuk menyeru kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia supaya dapat mempertingkatkan aktiviti-aktiviti mereka dengan mengadakan berbagai-bagai aspek terutama sekali dalam menyelesaikan masalah kehidupan mereka.

10. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para dermawan serta seluruh rakyat di negara ini yang telah sudi memberi sumbangan kepada derma Rayuan Hari Pahlawan tahun 1988. Semoga dengan sumbangan ikhlas yang dihulurkan dapatlah Persatuan Bekas Perajurit Malaysia mengorak langkah bagi meneruskan kegiatannya dengan harapan semoga pahlawan-pahlawan yang kurang bernasib baik

...dapat/-

dapat menikmati hidup yang lebih sempurna. Saya juga berharap kepada para dermawan dan seluruh rakyat Malaysia tidak akan jemu untuk terus berbudi kepada mereka yang telah berjasa kepada negara.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu
alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

